

Headline	Shahril ranap hasrat KLHC		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Arena	Page No	61
ArticleSize	92 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,345		



## Shahril ranap hasrat KLHC

**Kuala Lumpur:** Jaringan penyediaan pakar pukulan sudut penalti, Shahril Saabah meranapkan impian Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) untuk meraih tiga mata penuh selepas sekadar seri 3-3 dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada aksi Liga Perdana, TNB Liga Hoki Malaysia, semalam.

Keputusan itu menyaksikan KLHC kehilangan status selaku pendahulu liga dengan Terengganu Hockey Team (THT) merampas kembali selepas menewaskan TNB Thunderbolts 3-0 di Stadium Hoki Batu Buruk.

Ketua jurulatih TNB Muhammad Amin Rahim berkata, jaringan Shahril itu sememangnya cukup penting untuk mereka.

“Sebenarnya dalam tempoh 60 minit permainan kami mempunyai banyak peluang menjangkan gol, tapi disia-siakan begitu saja.

“Saya puji penyudah Shahril. Ini yang kami nantikan sebab sebelum ini dia agak bergelut,” katanya selepas tamat perlawanan di Stadium Hoki Pantai semalam.

KLHC di depan dengan dua gol menerusi jaringan padang Anton Poul Fritz Ebeling serta Muhammad Rashid Baharom pada minit ke-15 dan 19.

Bagaimanapun TNB menyamakan kedudukan hasil pukulan sudut penalti Muhammad Najib Abu Hassan serta penalti stroke Muhammad Azammi Adabi masing-masing pada m-22 dan 38.

Hammod Casey Dawson kembali meletakkan KLHC di depan menerusi pukulan sudut penalti m-57 sebelum Shahril menyamakan kedudukan, juga menerusi pukulan sudut penalti pada hujung perlawanan.